

# PM: Hubungan diplomatik tidak akan diputuskan

28 NOV 1993

KUALA LUMPUR 27 Nov. — Malaysia tidak akan memutuskan hubungan diplomatik dengan Australia semata-mata kerana kenyataan dan kecaman Perdana Menteri Australia, Paul Keating, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh terburu-buru kecuali mempunyai alasan yang kukuh untuk berbuat demikian.

"Kita tidak boleh berbuat sesuatu dengan mudah, mesti ada alasan kukuh barulah boleh berbuat demikian," katanya kepada

para pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Usahasama dan Perjanjian Bantuan Teknikal bagi Projek Kenderaan Komersial Kebangsaan di sini, hari ini.

Beliau memberitahu demikian ketika diminta mengulas pendirian kerajaan Malaysia berikutan kecaman Keating dan media kerajaan itu ke atas Malaysia.

Perdana Menteri Australia Paul Keating, Isnin lalu menyifatkan Dr. Mahathir sebagai keras kepala kerana enggan mengha-

diri persidangan Ker-

jasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle, baru-baru ini. Kerajaan juga kata Dr. Mahathir, tidak akan membuat bantahan rasmi terhadap Australia berikutan kecaman Perdana Menteri, Paul Keating dan media negara, itu ke atas Malaysia.

Beliau berkata, walaupun terdapat beberapa pandangan daripada rakyat di negara ini termasuk meminta diputuskan hubungan diplomatik, Malaysia tetap mahu berbaik dengan sesiapa sahaja.

■ Lihat muka 4

# PM: Hubungan diplomatik tidak akan diputuskan

28 NOV 1993

Rakyat negara ini sentiasa mahu berbaik dengan sesiapa sahaja termasuk Australia," katanya.

Perdana Menteri berkata, setiap rakyat di negara ini mempunyai kebebasan untuk mengadakan sesuatu kerana Malaysia mengamalkan kebebasan bersuara.

Menjawab satu soalan Dr. Mahathir berkata, berdasarkan kepada tajauan akhbar tempatan, rakyat di negara ini mahukan hubungan baik dengan sesiapa sahaja termasuk Australia walaupun terdapat pihak di negara lain yang tidak mahu berbuat demikian.

"Saya tidak tahu mengapa sesetengah media asing harus mengeluarkan satu artikel khas mengenai saya hanya kerana saya tidak mahu menghadiri persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle.

"Mereka juga cuba menggambarkan saya sebagai seorang yang keras kepala *difficult person*,

aktor di negara sendiri serta tidak popular di kalangan rakyat selain menggambarkan Malaysia menghadapi pelbagai masalah seperti ketegangan kaum, kekacauan dan sebagainya..." tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, sesetengah media di Australia kelihatan menjerus ke arah mengeruhkan hubungan dengan Malaysia berdasarkan kepada laporan akhbar dan televisyen serta filem yang dikeluarkan di negara itu.

"Mereka kelihatan tidak gembira kecuali mencipta masalah yang boleh dijadikan berita...hanya itu yang mereka ambil tahu dan mereka tidak pedulikan benda lain..." ujar beliau lagi.

Ditanya sama ada perkara ini akan terus berlautan, Dr. Mahathir berkata, itu terpulang kepada mereka yang memainkan isu itu.

"Sekiranya mereka tidak mahu memperbesar-besarkan isu itu ia tidak

akan menjadi serius tetapi jika sesetengah mereka menggunakan peluang ini untuk memberi komen-komen yang tidak menyenangkan seperti menasihatkan orang lain bagaimana berperangai baik, ia

boleh menjadi serius," tambah Dr. Mahathir lagi.

Ditanya mengenai sikap Keating dalam isu ini Dr. Mahathir menjawab: "Mengecewakan."